

Program Minggu Bahasa KKTM mengangkat kepentingan berbahasa Inggeris

UB 16.11.17 B2

KOTA KINABALU: Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha sesi 2017/2018 menganjurkan Program Minggu Bahasa selama tiga hari yang bertempat di Dewan Utama Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Program ini melibatkan seramai 16 peserta iaitu terdiri daripada peserta tempatan dan peserta antarabangsa.

Seramai lebih 120 orang penonton hadir ke Majlis Penutupan Program Minggu Bahasa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali berharap program sebegini dapat diteruskan lagi pada semester akan datang.

Katanya, sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia dalam lonjakan kedua iaitu Kecemerlangan Bakat.

Selain mampu berfikiran kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang baru, mempunyai daya tahan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran global yang sering berubah.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha, Dr Mohamad Nizam Nazarudin, Bahasa Inggeris adalah bahasa yang sangat penting pada masa kini kerana ia akan dibawa ke peringkat antarabangsa.

Dalam pertandingan ini,



DR Muhammad Nizam menyampaikan cenderamata kepada Dayangku Siti Afizah.

peserta tempatan perlu bertutur dalam Bahasa Inggeris manakala pelajar antarabangsa perlu bertutur dalam Bahasa Melayu.

“Diharapkan dengan berakhirnya program ini dapat meningkatkan keyakinan berkomunikasi dalam diri setiap peserta kerana Bahasa Inggeris adalah penting di peringkat antarabangsa,” katanya

Menurut Pengarah Program, Baharullah Haris, program ini bertujuan meningkatkan keyakinan diri untuk bertutur dalam bahasa asing dan merapatkan hubungan antara pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

Objektif program ini dijalankan adalah untuk meningkatkan tahap keyakinan diri peserta tempatan untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris dan kepada peserta

antarabangsa pula, mereka dapat belajar bertutur dalam Bahasa Melayu meskipun masih membawa slanga bahasa ibunda tetapi nilai keyakinan dalam diri itu adalah penting untuk maju setapak ke hadapan.

Selain itu, program ini juga dapat merapatkan jurang komunikasi antara pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

Majlis Penutupan Minggu Bahasa juga dihadiri oleh Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha, Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha, Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2017/2018, Dayangku Siti Afizah (Johan Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan Peringkat Negeri Sabah dan Johan Kebangsaan) serta juri-juri, Kamsilawati Kamlun, John Mark Storey, Jumrat Minsun dan Salwa Naidin.



PESERTA Program Minggu Bahasa merakamkan gambar kenangan.